

12/11/1999

## Pembangunan ekonomi jamin peningkatan kualiti hidup

KUALA LUMPUR, Khamis - Peningkatan kualiti hidup yang berterusan, tidak akan dapat dinikmati oleh generasi semasa dan akan datang tanpa pertumbuhan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, walaupun Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) menunjukkan rekod yang positif bagi negara ini, perubahan itu bergantung kepada pencapaian pertumbuhan dan peningkatan tahap pendapatan yang berterusan.

"Tidak dapat dinafikan gandingan aspek ekonomi dan pembangunan lain adalah sangat penting," katanya dalam kata aluan laporan Kualiti Hidup Malaysia yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Laporan itu adalah yang pertama dikeluarkan di negara ini menggunakan indeks komposit, iaitu Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) bagi menilai taraf hidup rakyat.

Dr Mahathir berkata, IKHM seperti juga kebanyakan indeks kualiti hidup di negara lain di dunia, tidak dapat menggambarkan sepenuhnya semua aspek yang berkaitan dengan kualiti hidup rakyat.

"Ini termasuklah aspek yang sukar diukur seperti keharmonian dalam negara, perpaduan pelbagai kaum, etika kerja dan nilai hidup yang baik, peningkatan peluang ekonomi dan politik serta yang paling penting, keamanan yang sangat diperlukan untuk mencapai kemajuan.

"Malaysia perlu berbangga dengan pencapaian cemerlang dalam kedua-dua aspek yang boleh diukur dan tidak boleh diukur ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, kemajuan hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan.

Katanya, rakyat berhak mendapat manfaat daripada pembangunan dan kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan wujudnya suasana bagi pertumbuhan sosio ekonomi.

"Dalam hal ini, strategi utama negara yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) serta Wawasan 2020 memberi tumpuan kepada pembangunan manusia dan pada hakikatnya menyediakan kualiti hidup yang lebih baik untuk dinikmati semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 41 tahun lalu, keutamaan diberikan kepada usaha memajukan negara dalam semua aspek termasuk kualiti hidup.

Dalam hal ini, beliau berkata, tumpuan diberi terhadap usaha memperbaiki kehidupan golongan miskin, menyediakan peluang meningkatkan pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan asas lain, memastikan persekitaran kerja yang lebih baik, melindungi alam sekitar dan mewujudkan pra syarat yang baik untuk pembangunan.

Namun begitu, kata Perdana Menteri, pembangunan negara tidak harus semata-mata dibuat berdasarkan pertimbangan ekonomi tetapi perlu merangkumi aspek lain yang lebih mencerminkan kualiti taraf hidup rakyat.

"Kita percaya bahawa penilaian pembangunan negara tidak harus semata-mata berdasarkan pertimbangan ekonomi malah perlu merangkumi aspek lain yang mencerminkan perubahan kualiti hidup," katanya.

Perdana Menteri berkata, penilaian secara menyeluruh itulah yang ditunjukkan oleh IKHM.

Beliau berkata, walaupun terdapat beberapa petunjuk bagi mengukur kemajuan ekonomi seperti Keluaran Negara Kasar (KNK), Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan per kapita, pengukuran kualiti hidup yang dilakukan setakat ini lebih berbentuk kualitatif.

"IKHM cuba menilai kualiti hidup dengan menggunakan pendekatan yang lebih kuantitatif," katanya sambil menambah bahawa IKHM akan membolehkan kerajaan memantau dengan lebih baik kesan pembangunan ke atas kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

(END)